

**Koh: Terima siapa sahaja bakal calon PRU**  
**The Malaysian Insider**  
**16 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 16 Okt — Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon meminta semua anggota parti supaya menerima calon yang diputuskan pucuk pimpinan parti untuk bertanding pada pilihan raya umum ke-13 akan datang.

Koh berkata Gerakan telah memulakan proses penilaian calon untuk pilihan raya itu dengan menemuduga mereka yang berpotensi sejak setahun lepas.

"Pada pilihan raya nanti, pemilihan calon adalah sangat penting. Pihak kepimpinan parti telah pun memulakan proses penilaian dengan mewawancara calon berpotensi semenjak setahun yang lalu.

"Kita telah dan akan sentiasa memberi peluang yang adil kepada semua yang berminat menjadi calon dengan fikiran yang terbuka," katanya (gambar) ketika menyampaikan ucapan Presiden pada Persidangan Perwakilan Nasional Ke-40 , yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, di Menara PGRM di sini hari ini.

Dengan nada bersemangat, Koh dipetik Bernama Online kemudian bertanya kepada perwakilan sama ada mereka menerima atau tidak pemilihan calon oleh pucuk pimpinan parti nanti.

The Malaysian Insider  
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider  
Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/koh-terima-siapa-sahaja-bakal-calon-pru/>